



# UNIT 10

# LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

## NOTA EFEKTIF

### SEJARAH LAGU KEBANGSAAN MALAYSIA

1. Satu pertandingan mencipta lagu kebangsaan diadakan dan 514 penyertaan diterima daripada peserta dalam dan luar negara.
2. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengesyorkan supaya irama lagu kebangsaan negeri Perak dijadikan lagu kebangsaan.
3. Bagi lirik kebangsaan, Jawatankuasa Pemilihan mengambil beberapa baris sajak yang dihantar oleh orang ramai.
4. Lagu *Negaraku* telah diperdengarkan buat pertama kali di Padang Kelab Selangor atau kini dikenali sebagai Dataran Merdeka pada malam 30 Ogos 1957.
5. Bendera Persekutuan Tanah Melayu turut dinaikkan pada malam itu dengan iringan lagu kebangsaan iaitu lagu *Negaraku*.

### MENGHAYATI MAKSUD LAGU KEBANGSAAN

**Negaraku**

Negaraku  
Tanah tumpahnya darahku  
Rakyat hidup  
Bersatu dan maju

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat bertakhta

Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan  
Raja kita  
Selamat Bertakhta

**Maksud Lirik Lagu Negaraku**

Menyeru rakyat daripada pelbagai bangsa dan agama supaya hidup bersatu padu untuk mencapai kemajuan.

Memohon rahmat dan kebahagiaan daripada Tuhan untuk kesejahteraan raja yang memerintah rakyat serta negara.

**MEMAHAMI LIRIK DAN MAKSUD LAGU**

Kita perlu menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara.

Kita harus berpegang teguh kepada ajaran agama dan taat kepada perintah Tuhan.

Kita hendaklah mempunyai cita-cita dan berusaha untuk mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang.

Kita perlulah hidup bersatu padu dan saling menghormati kepelbagaian kaum dan agama yang wujud di Malaysia.

Rakyat Malaysia perlu sentiasa bersyukur kerana dilahirkan dalam sebuah negara yang aman dan damai.

**ETIKA MENYANYIKAN LAGU KEBANGSAAN** 

Kedudukan Fizikal Semasa Nyanyian	Suara dan Penghayatan Semasa Nyanyian	Bagi Murid yang Datang Lewat ke Sekolah	Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)
1. Berdiri tegak	1. Menyanyi secara jelas dan serentak	1. Berhenti berjalan apabila mendengar nyanyian lagu kebangsaan	1. Bagi yang berkerusi roda, kepala mesti tegak
2. Kedua-dua belah tangan diletakkan di sisi dan diluruskan ke bawah.	2. Menyebut lirik lagu dengan betul dan bersemangat	2. Hendaklah meletakkan beg di sisi kaki	2. Mata memandang bendera
3. Kedua-dua belah kaki dirapatkan.	3. Menghayati lirik lagu	3. Berdiri tegak	3. Kedua-dua tangan di atas kepala
	4. Tidak bermain-main semasa menyanyi		4. Kaki dirapatkan

**LAGU KEBANGSAAN MEMBENTUK JATI DIRI** 

1. Melahirkan warganegara yang taat setia kepada raja dan negara.
2. Melahirkan warganegara yang berusaha memajukan diri dan bercita-cita tinggi untuk berjaya.
3. Memupuk rasa cinta akan negara, berbangga dan bersyukur menjadi rakyat Malaysia.
4. Memupuk perpaduan dan menghormati kepelbagaian kaum, agama serta budaya yang wujud di Malaysia.